



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
UNTUK PRESTASI PELANCONGAN DOMESTIK DI MALAYSIA
PADA SUKU TAHUN KETIGA 2023

**Pelawat domestik Malaysia meningkat 24.3% pada suku tahun ketiga 2023,
manakala perbelanjaan pelawat domestik mencatatkan RM20.1 bilion**

PUTRAJAYA, 19 Disember 2023 – Pelancongan domestik di Malaysia merekodkan 53.4 juta pelawat domestik pada suku tahun ketiga 2023, meningkat dengan ketara iaitu 24.3 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Walau bagaimana pun, bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pelawat domestik menurun sedikit -2.0 peratus berbanding suku kedua 2023. Perbelanjaan pelancongan domestik mencatatkan RM20.1 bilion, meningkat 33.8 peratus tahun ke tahun, tetapi perbandingan suku tahunan menurun -8.3 peratus. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini dalam siaran **BULETIN SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA (DTS) SUKU TAHUN KETIGA 2023**. Buketin tersebut membentangkan statistik pelancongan domestik mengenai pelawat, perbelanjaan dan indeks berkaitan industri sektor pelancongan.

Dalam satu kenyataan hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Secara keseluruhannya, prestasi pelancongan domestik Malaysia sehingga September 2023 merekodkan 156.6 juta pelawat domestik, meningkat 25.4 peratus berbanding setahun sebelumnya. Bagi perbelanjaan pelancongan domestik untuk sembilan bulan pertama, ia mencatatkan RM61.2 bilion, meningkat 33.8 peratus berbanding tahun lepas.”

Mengulas lanjut mengenai prestasi indeks berkaitan industri pelancongan pada suku tahun ketiga 2023, indeks hasil taman tema meningkat 64.1 peratus tahun ke tahun, diikutii

ketibaan di lapangan terbang domestik (+18.2%), trafik lebuh raya (+10.7%), jualan runcit bahan api (+6.6%) dan hasil zoo (+0.6%).


Sementara itu, indeks hasil penginapan juga meningkat dengan merekodkan 20.3 peratus. Kadar penghunian hotel lima bintang meningkat 6.9 peratus, diikuti oleh hotel empat bintang (+5.4%), hotel tiga bintang (+32.9%) dan hotel dua bintang/ chalet/ motel (+9.3%). Kadar penghunian mengikut lokasi di pantai dan bandar masing-masing meningkat 5.1 peratus dan 9.9 peratus, berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Bilangan Pelawat Domestik mengikut Suku Tahun, 2021 – 2023



Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 19 Disember 2023

Carta 2: Jumlah Perbelanjaan Pelancongan Domestik mengikut Suku Tahun, 2021 – 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
19 DISEMBER 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF DOMESTIC TOURISM MALAYSIA
IN THIRD QUARTER 2023

Malaysia's domestic visitors increased 24.3% year-on-year in Q3 2023, while domestic visitors expenditure recorded RM20.1 billion

PUTRAJAYA, DECEMBER 19, 2023 – Domestic tourism in Malaysia recorded 53.4 million visitors in the third quarter 2023, increased significantly 24.3 per cent compared to the same quarter of the previous year. However, for quarter-on-quarter comparison, domestic visitors decreased marginally -2.0 per cent compared to second quarter of 2023. For domestic tourism expenditure, it registered RM20.1 billion, expanded 33.8 per cent year-on-year, but dropped -8.3 per cent for quarterly comparison. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **BULLETIN OF MALAYSIA'S DOMESTICS TOURISM SURVEY (DTS), THIRD QUARTER 2023**. The bulletin presents the domestic tourism statistics on visitors, expenditure, and index of related industries on tourism sector.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia added, "Overall, Malaysia's domestic tourism performance until September 2023 recorded 156.6 million domestic visitors, an increase of 25.4 per cent compared to a year ago. On domestic tourism expenditure, for the first nine months, it registered RM61.2 billion, up 33.8 per cent compared to last year."

Commenting further on the performance of index of tourism related industries in the third quarter 2023, the index of theme park revenue surged 64.1 per cent, followed by domestic airport arrivals (+18.2%) highway traffic (+10.7%), retail sales of automotive fuel (+6.6%), and zoo revenue (+0.6%), year-on-year.

Meanwhile, index of accommodation revenue also increased by recording 20.3 per cent. Occupancy rate for five-star hotels went up 6.9 per cent, followed by four-star hotels (+5.4%), three-star hotels (+32.9%), and two-star hotels/ chalets/ motels (+9.3%). Occupancy rate by location at beach and town rose 5.1 per cent and 9.9 per cent, respectively as compared to the same quarter of the previous year.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data and can be accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agriculture Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Malaysia's Domestic Visitors Arrivals by Quarter, 2021-2023





Chart 2: Malaysia's Domestic Visitors Expenditure by Quarter, 2021 - 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
19 DECEMBER 2023**